

Usahasama: PM mahu bumiputera libat cara langsung

(P)

UM

8/8/83

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Para usahawan dan pemborong bumiputera hari ini digesa supaya melibatkan diri secara langsung dalam semua peringkat projek usahasama untuk memastikan pemindahan teknologi dapat dilakukan daripada syarikat asing ke negara ini.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang membuat gesaan ini berkata, sebarang usahasama yang diwujudkan di antara syarikat tempatan dengan syarikat asing tidak akan berguna sekiranya kaum bumiputera tidak mengambil bahagian yang aktif dalam sesuatu projek itu.

Beliau menegur syarikat - syarikat bumiputera yang terlalu mengutamakan keuntungan sebelum sesebuah projek itu bermula dan tidak mementingkan pemindahan teknologi atau pencapaian kemahiran pengurusan.

bahawa upacara pelancaran yang diadakan pagi ini untuk Taman Shamelin Perkasa yang dilengkapkan dengan pukulan kompang, permaidani merah dan dipenuhi oleh orang ramai dalam suasana yang meriah "tidaklah bermakna bahawa projek taman ini sudah berjaya.

Beliau menarik perhatian bahawa permulaan sesuatu projek itu seperti upacara perasmian memang mudah diaturkan dengan meriah tetapi itu bukanlah satu kejayaan.

"Upacara pelancaran projek akan kekal sebagai upacara kerana walaupun kita tokoh-tambah memeriahkan upacara itu, hasil kejayaan sesuatu projek itu tidaklah

"Misalnya, Koperasi Shamelin mendapat usahasama dengan Hyundai Engineering, kontraktor Korea Selatan yang terkenal di seluruh dunia khususnya di Timur Tengah. Ini adalah peluang yang sangat baik.

"Tetapi tidak ada gunanya usahasama tersebut sekiranya kita sendiri tidak terlibat secara langsung dengan projek pembinaan taman ini," tegas beliau lagi.

Menurut Perdana Menteri, ada syarikat - syarikat bumiputera yang hanya mementingkan keuntungan dalam sebarang usahasama dan sebelum ia dimulakan, yang sudah meminta jaminan dari segi keuntungan sama ada 5%, 10% atau \$5

melin ini tidak jadi macam Ali-Baba," katanya lagi.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya syarikat bumiputera hanya mementingkan keuntungan, segala kerja yang terlibat dengan projek itu tidak diambil bahagian oleh syarikat itu.

Akibatnya, katanya, oleh kerana mahu menjimatkan wang atau memastikan keuntungan tidak kurang, syarikat itu membiarkan kerja-kerja itu dilakukan oleh orang lain. Dan dengan itu, sudah tentu ia tidak akan mencapai kemahiran dari segi pengurusan dan pekerjaan dari sesuatu projek itu.

Dengan cara itu juga, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, syarikat itu terpaksa

Berucap melancarkan projek perumahan Koperasi Shamelin di tapak Taman Shamelin Perkasa di Jalan Ceras di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa syarikat - syarikat bumiputera hendaklah mengutamakan kepercayaan dan maruah diri sendiri dalam setiap usahanya:

Taman Shamelin Perkasa yang terdiri daripada rumah-rumah pangsa, rumah teres, kedai, banglo dan kilang-kilang yang dijadualkan siap dibina dalam tempoh lima tahun adalah projek usahasama di antara anak syarikat Koperasi Shamelin, Syarikat Shamelin Sendirian Berhad dan Hyundai Engineering - Construction Co. Ltd., kontraktor yang terkenal dari Korea Selatan.

Syarikat usahasama itu dinamakan sebagai "KIMALI" iaitu Kim mewakili orang Korea dan Ali mewakili bumiputera. Projek itu menelan kos \$500 juta.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedang berusaha untuk mempersisihkan penyertaan kaum dalam ekonomi negara dan kaum bumiputera khususnya digalakkan terlibat dengan kegiatan ekonomi itu.

"Saya rasa perkara yang besar - besar dan penting - penting tidak diberi tumpuan oleh usahawan - usahawan (bumiputera) tetapi sebaliknya mereka menumpukan kepada perkara - perkara yang remeh - temeh," tegasnya.

Dalam hubungan ini, beliau terus memberi contoh

boleh dinilai dari segi besar dan bentuk upacara itu.

"Bentuk dan besarnya sesuatu upacara itu adalah perkara yang berasingan daripada kejayaan projek. Yang hendak kita capai ialah penyertaan bumiputera, khususnya, dalam kegiatan - kegiatan ekonomi di negara ini supaya ketidakimbangan yang berlaku sekarang dapat diatasi," tambahnya.

Menurut beliau lagi, usaha tersebut bukan sahaja dijalankan oleh kerajaan tetapi orang-orang bumiputera sendiri juga harus melibatkan diri.

"Kegiatan ekonomi yang perlu kita ceburi itu hendaklah secara langsung dari peringkat pengurusan yang paling atas sehingga kerja yang paling rendah seperti mengatur bata.

juta atau \$100 juta.

Tegasnya, langkah syarikat bumiputera meminta jaminan tentang keuntungan itu nampaknya bijaksana "tetapi dalam dunia perniagaan, itu bukan lagi satu kebijaksanaan."

Dengan cara menentukan keuntungan sebelum projek bermula, kita sebenarnya cuma mendapat komisen sahaja dan kemudian kita bergoyang kaki, tanpa melibatkan diri dalam projek itu dan tidak mementingkan pemindahan teknologi.

"Pendeknya, cara syarikat - syarikat bumiputera mengadakan usahasama dengan kontraktor asing itu sebenarnya sama juga dengan konsep Ali-Baba. Bagaimanapun, saya berharap usahasama KIMALI yang membuat projek Sha-

mengadakan usahasama setiap kali mendapat kontrak kerana ia tidak ada kemahiran untuk berdikari dalam menjayakan sesuatu projek."

Memandangkan amalan itu tidak menguntungkan, Perdana Menteri menegaskan bahawa syarikat - syarikat bumiputera yang berusahasama dengan syarikat syarikat asing hendaklah melibatkan diri secara langsung dengan kerja menyiapkan sesuatu projek dari semua peringkat.

"Mereka hendaklah terlibat dalam bidang pengurusan, penentuan kos, pembelian jentera yang ekonomik dan dalam segala keputusan yang dibuat serta mengetahui sebab-sebab mengapa keputusan itu dibuat.

"Ini adalah untuk memastikan mereka mendapat kemahiran yang perlu sekiranya mereka mahu berdikari sebagai syarikat yang mendapat kepercayaan orang lain dan ada maruah," tegasnya lagi.